

# Program turun padang, tingkat kemahiran insaniah

**Serdang:** Cuti semester baru-baru ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan pengajuran pelbagai program antaranya, *From Student to Student* bersama-sama pelajar Permata Hati Anak Yatim (PERHATI), Pahang.

Yang Dipertua, Muhammad Izzuddin Rosli, berkata program seperti itu bukan sahaja dilihat sebagai pengisian untuk ahli MPP dan Persatuan Mahasiswa Fakulti (PMF) UPM tetapi peluang untuk orang luar terutama generasi muda mengenali UPM sebagai sebuah universiti awam (UA) di negara ini.

"Selain berkhidmat kepada masyarakat, pelajar yang berasal dari negeri lain dan tidak pulang ke kampung masing-masing berpeluang untuk mengisi cuti semester mereka dengan mengikuti aktiviti yang dianjurkan oleh MPP.

"Ini juga peluang kepada ahli MPP atau pelajar universiti lain yang mungkin tidak berkesempatan untuk mengenali satu sama lain kerana



Pelajar mengisi cuti semester mereka dengan mengikuti aktiviti yang dianjurkan oleh MPP.

kesibukan jadual kuliah," katanya.

Muhammad Izzuddin berkata, selain program turun padang, pihaknya turut memastikan cuti semester juga menjadi medan terbaik bagi memperkuatkan jalinan pengantarabangsaan seperti

Outreach Programme yang kebiasaannya membawa pelajar universiti ke institusi pendidikan lain seperti sekolah.

"Pelaksanaan aktiviti yang membabitkan usaha seratus peratus pelajar universiti termasuk dengan sokongan pihak penaja, membolehkan usaha,

Pertukaran Ilmu' dijalankan dengan memberi impak lebih besar.

"Program ini juga boleh dijalankan di peringkat antarabangsa, yang juga satu daripada elemen atau aspek penting yang selalu dititik beratkan MPP kepada pelajar apabila

mereka merancang atau menjalankan sesuatu program.

"Pada masa sama, program seperti ini dapat meningkatkan kemahiran insaniah pelajar khususnya bagi memperlengkap diri mereka di alam pekerjaan sebaik bergraduat," katanya.



Muhammad Izzuddin

(Foto hiasan)